



GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN MASJID & SURAU NEGERI SELANGOR



KANDUNGAN

1.	NAMA	1
2.	PEMAKAIAN	1
3.	LATAR BELAKANG	1
4.	TUJUAN	2
5.	TAFSIRAN	2

BAHAGIAN A

6.	PROSEDUR KEWANGAN	4
6.1	ANGGARAN PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN	4
6.1.1	Penyediaan Anggaran Belanjawan	4
6.1.2	Format Anggaran	4

BAHAGIAN B

7.	PROSEDUR PERAKAUNAN	4
7.1	TERIMAAN	4
7.1.1	Kuasa Menerima dan Memungut	4
7.1.2	Kutipan	5
7.1.3	Kemasukkan wang kutipan masjid ke dalam bank	5
7.1.4	Semakan kemasukan wang ke dalam bank.	6
7.1.5	Resit Rasmi	6
7.1.6	Kawalan terhadap Buku Resit Rasmi	7
7.1.7	Daftar Buku-Buku Resit	8
7.1.8	Pengeluaran Resit	8
7.2.	BAYARAN	8
7.2.1	Pembayaran	8
7.2.2	Cara Pembayaran	9
7.2.3	Baucer Bayaran Dan Dokumen Sokongan	9
7.2.4	Kelulusan dan pengesahan pembayaran	10



BAHAGIAN C

8. PERBENDAHARAAN	11
8.1. Membenarkan Belanja	11
8.1.2 Pertukaran Pegawai kewangan.	11
8.2 AKAUN BANK	12
8.2.1 Membuka Akaun Bank	12
8.2.2 Menutup Akaun Bank	12
8.3 CEK	13
8.3.1 Buku Cek	13
8.3.2 Pemeriksaan Buku Cek	
8.3.3 Penyimpanan Buku Cek	14
8.3.4 Tempoh Laku Cek Yang Dikeluarkan	14
8.3.5 Cek Luput	14
8.3.6 Kuasa Menandatangani Cek	14
8.3.7 Kehilangan Cek	15
8.4 PETI BESI	15
8.4.1 Keperluan dan Penyimpanan	15
8.4.2 Kehilangan Kunci	16
8.5 SEWA	16
8.5.1 Pematuhan Garis Panduan	16
8.6 PELABURAN	16
8.6.1 Urusan Pelaburan	16
8.6.2 Simpanan Tetap	17
8.6.3 Pelaburan Saham	17
8.6.4 Pelaburan Hartanah	18



8.7	HARTA BENDA	18
8.7.1	Pematuhan Garis Panduan	18
8.7.2	Daftar Harta Alih dan Harta tidak Alih	19
BAHAGIAN D		
9.	LAPORAN KEWANGAN	19
9.1	Ringkasan Penerimaan dan Pembayaran	19
9.2	Penyata Kewangan	19
9.3	Pembentangan dan Pengesahan	20
9.4	Nota kepada Akaun	20
9.5	Rekod-rekod Kewangan	21
9.6	Akaun Penyata Perbelanjaandan Aktiviti-aktiviti Khas dan Biro-biro	21
9.7	Penyata Penyesuaian Bank	21
10.	PELUPUSAN	22
10.1	Dokumen-dokumen Kewangan	22
10.2	Harta Benda	22
BAHAGIAN E		
11.	PROSEDUR PEROLEHAN BEKALAN, PERKHIDMATAN DAN KERJA	23
11.1	SEBUTHARGA BARANGAN DAN PERKHIDMATAN	23
11.1.1	Pematuhan Garis Panduan	23
11.1.2	Jadual Sebutharga Barang dan Perkhidmatan	23
11.1.3	Pengecualian	24



11.2 PEMBELIAN SECARA SEBUTHARGA	24
11.2.1 Jawatankuasa Sebutharga	24
11.2.2 Mempelawa Sebutharga	24
11.2.3 Acara Mengurus Sebutharga	25
 BAHAGIAN F	
12. PELBAGAI	25
12.1 PERLANTIKAN KAKITANGAN	25
12.1.1 Pematuhan Garis Panduan	25
12.1.2 Kebenaran MAIS	25
12.1.3 Pembayaran Gaji	26
12.1.4 Caruman Pekerja	26
12.1.5 Notis Penamatan	26
12.1.6 Perletakan Jawatan	26
12.2. AUDIT	26
12.2.1 Pemeriksaan Dan Pengauditan Akaun	26
12.2.2 Akaun hendaklah dikemukakan untuk diaudit	26
12.2.3 Audit Dalam	27
12.2.4 Audit Luar	27
13. PEMAKAIAN BAGI SURAU	27
14. PENGECUALIAN	27
15. TARIKH KUATKUASA	28
16. PEMBATALAN	28
17. LAMPIRAN	29



UCAPAN ALU-ALUAN

Assalamualaikum wr. wbt.

Setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah inayah dan IzinNya juga Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan kerjasama padu dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah berjaya untuk menyusun semula **Garis Panduan Pengurusan Kewangan Masjid Dan Surau Negeri Selangor**. Garis Panduan yang lebih lengkap , mudah dirujuk serta difahami ini diharapkan dapat menjadi panduan khasnya kepada Pegawai Dan Jawatankuasa Masjid serta surau di Negeri Selangor dalam meningkatkan kecekapan dan ketelusan pengurusan kewangan.

Masjid sebagai sebuah institusi yang disegani di tengah-tengah masyarakat, perlu mengketengahkan sistem pengurusan yang profesional , sistematik , efektif dan berintegriti . Pengurusan kewangan yang efisyen dan telus akan menambah keyakinan masyarakat yang akhirnya akan mempengaruhi sikap dan keyakinan ingin menyumbang terhadap masjid dan surau juga turut meningkat.

Pengurusan kewangan merupakan “ aspek fundamental” yang cukup asas di masjid dan surau bagi menjana aktiviti pembangunan dan pengimaranahan sebagaimana dituntut oleh syariah. Tambahan pula, masyarakat memberi persepsi bahawa Pegawai dan Jawatankuasa Masjid yang dilantik membawa amanah dari seluruh ahli kariah. Sebagai pemegang amanah dan tanggungjawab , pastinya masyarakat sama sekali tidak boleh menerima sebarang elemen ketirisan atau kecuaian dalam pengurusan kewangan masjid dan surau.

Semoga Garis Panduan ini akan membantu pengurusan masjid dan surau dalam mematuhi “ standard piawaian” pengurusan kewangan yang menepati hasrat MAIS. Seterusnya membantu untuk merealisasikan fungsi masjid sebagai “Zon Aman , Pusat Transformasi Dan Penyatuan Ummah” seperti yang diharapkan.

Wassalam

DATO BAKHTIAR BIN HUSSIN
Setiausaha,
Majlis Agama Islam Selangor



GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN MASJID DAN SURAU NEGERI SELANGOR

1. NAMA

Garis Panduan ini boleh dinamakan Garis Panduan Pengurusan Kewangan Masjid dan Surau Negeri Selangor.

2. PEMAKAIAN

Garis Panduan ini hendaklah terpakai kepada semua masjid dan surau di Negeri Selangor.

3. LATAR BELAKANG

- 3.1 Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mengambil inisiatif buat julung kalinya pada tahun 2006 untuk menerbitkan Garis Panduan Urusan Kewangan Masjid Dan Surau Negeri Selangor sebagai dokumen panduan kepada semua Nazir dan Bendahari Masjid serta Pengerusi dan Bendahari Surau seluruh Negeri Selangor dalam mengurus tatakelola kewangan masjid dan surau secara efisien dan berintegriti.
- 3.2 Garis Panduan ini tidak pernah dibuat semakan semula semenjak ianya dikuatkuasakan perlaksanaannya dari tahun 2006. Namun mutakhir ini , setelah beberapa siri bengkel dan dialoq diadakan di antara pihak Audit MAIS, Bahagian Pengurusan Masjid JAIS dan Nazir- Nazir Masjid didapati terdapat beberapa perkara di dalam Garis Panduan tersebut yang perlu dipinda dan dimurnikan agar selaras dengan kehendak semasa pengurusan masjid yang sentiasa maju kehadapan.
- 3.3 Perlaksanaan beberapa bentuk model pengurusan masjid di Negeri Selangor oleh MAIS mulai tahun 2012 dengan memperkenalkan Jawatankuasa Pengurusan Masjid di semua Masjid Daerah Dan Diraja serta mewartakan beberapa masjid kariah untuk ditadbir oleh Jawatankuasa Pengurusan Masjid , meletakkan tepat pada masanya Garis Panduan ini dapat disemak semula agar menepati keperluan pengurusan kewangan semua masjid dan surau di Negeri Selangor.



4. TUJUAN

- 4.1 Menyediakan dokumen garis panduan pengurusan kewangan yang standard , lengkap dan komprehensif sebagai rujukan semua masjid dan surau.
- 4.2 Meningkatkan tahap kecekapan , akauntabiliti dan integriti semua pegawai masjid dan surau dalam pengurusan kewangan masjid.
- 4.3 Langkah kawalan dalaman dan seliaan oleh MAIS/JAIS dalam memelihara kemuliaan institusi masjid dan surau.

5. TAFSIRAN

“Enakmen”, ertinya ialah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

“Jawatankuasa Kariah MAIS”, ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan dibawah Seksyen 27 Enakmen;

“Laporan Kewangan” ertinya Penyata Penerimaan, Pembayaran dan lain-lain Laporan berkaitan dengan aktiviti-aktiviti masjid;

“Lembaga Tadbir Masjid”, ertinya beberapa orang yang dilantik oleh MAIS untuk menyelia, menasihati dan memantau Jawatankuasa Pengurusan Masjid yang terdiri dari wakil MAIS/JAIS dan beberapa Wakil Kariah.

“Masjid Yang Diwartakan”, ertinya Masjid Negeri , Masjid Daerah, Masjid Diraja dan Masjid Kariah yang dinaiktaraf dan diwartakan dibawah Seksyen 105 Enakmen dan ditadbir oleh Pegawai Tadbir Masjid dan dinasihat oleh Lembaga Tadbir Masjid;

“Mesyuarat Jawatankuasa Kariah”, ertinya mesyuarat yang dipengerusikan oleh Nazir masjid atau Timbalan Nazir semasa ketiadaan Nazir serta dihadiri oleh ahli jawatankuasa kariah masjid;

“Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Masjid”, ertinya mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengurus Masjid di masjid-masjid yang diwartakan dibawah Seksyen 105 Enakmen serta dihadiri oleh Pegawai Tadbir Masjid dan Pengerusi Lajnah;

“Mesyuarat Lembaga Tadbir Masjid”, ertinya mesyuarat berkala yang dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Tadbir dan dihadiri oleh wakil MAIS/ JAIS dan wakil kariah yang telah dilantik oleh MAIS dan Pengurus Masjid bertindak sebagai Setiausaha;



“Pegawai Masjid”, ertinya Nazir, Imam, Bilal dan Siak atau apa-apa nama, tail atau gelaran tertentu sebagaimana yang diberikan dari masa ke semasa oleh Majlis berhubung dengan pengurusan sesuatu masjid;

“Pegawai Kewangan” ertinya Bendahari Masjid Kariah atau Penolong Pengurus bagi Masjid-Masjid yang diwartakan dan dilantik oleh MAIS;

“Pegawai Pengawal”, ertinya Nazir atau Pengurus Masjid yang dilantik oleh MAIS di bawah Subseksyen 100(1) Enakmen;

“Pegawai Tadbir Masjid”, ertinya Pengurus, Penolong Pengurus dan Pembantu Pengurus yang dilantik oleh MAIS di masjid-masjid yang diwartakan dibawah Seksyen 105 Enakmen;

“Pelaburan” ertinya aktiviti yang diluluskan untuk pembelian aset-aset dan membuat simpanan di institusi-institusi kewangan yang berlesen serta patuh syariah. Manakala portfolio pelaburan tersebut akan memberikan tambahan pendapatan masa depan yang berterusan kepada perniagaan dan perolehan tahunan.

“Penyata Kewangan” ertinya laporan tentang kedudukan kewangan sesebuah masjid berkaitan Penyata Penerimaan dan Pembayaran dan nota-nota kepada akaun-akaun yang telah diluluskan oleh jawatankuasa kariah setelah disemak oleh dua pemeriksa kira-kira atau firma juruaudit bertauliah.

“Wakaf”, ertinya apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan khairat sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut Hukum Syarak;

“Wang Kutipan” ertinya sebarang kutipan derma, Kutipan Jumaat, sumbangan anak yatim, hasil wakaf, khairat kematian, hasil sewaan dan apa-apa sumbangan tunai yang dibawah kawalan masjid;



BAHAGIAN A

6. PROSEDUR KEWANGAN

6.1 ANGGARAN PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN

6.1.1 Penyediaan Anggaran Belanjawan

- (1) Pegawai kewangan hendaklah menyediakan Anggaran Penerimaan dan Pembayaran untuk dimaklumkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau lembaga tadbir.
- (2) Penyediaan anggaran hendaklah mengambil kira strategi pengurusan bagi tahun belanjawan, langkah-langkah meningkatkan kecekapan dan perancangan lajnah bagi tahun berkenaan.
- (3) Pegawai masjid atau Pengurus bertanggungjawab memeriksa butir-butir anggaran penerimaan dan pembayaran dan membuat apa-apa pengubahsuaian yang perlu sebelum dibentang untuk kelulusan.

6.1.2 Format Anggaran

Anggaran Penerimaan dan Pembayaran hendaklah menunjukkan seberapa tepat yang boleh jumlah wang yang dijangka akan diterima atau dibayar pada tahun itu dengan menggunakan format di dalam **Borang S** kepada Garis Panduan ini.

BAHAGIAN B

7. PROSEDUR PERAKAUNAN

7.1 TERIMAAN

7.1.1 Kuasa Menerima dan Memungut

- (1) Hanya Pegawai kewangan dibenarkan memungut atau menerima wang bagi pihak masjid.



- (2) Mana-mana ahli jawatankuasa atau kakitangan pengurusan masjid hanya dibenarkan memungut atau menerima wang bagi pihak masjid setelah mendapat kelulusan jawatankuasa atau lembaga tadbir dan persetujuan bertulis daripada Pegawai pengawal.
- (3) Sampel tandatangan individu yang diberi kuasa untuk memungut atau menerima wang bagi pihak masjid hendaklah diperolehi dan disimpan sebagai rujukan.

7.1.2 Kutipan

- (1) Semua wang kutipan masjid hendaklah dikira dan direkodkan di dalam Buku Tunai. Kutipan bolehlah direkodkan di dalam Buku Tunai seperti **Borang C** kepada Garis Panduan ini.
- (2) Tabung Kutipan Jumaat dan Derma hendaklah dibuka bersama-sama dan dikira sekurang-kurangnya oleh tiga (3) orang daripada Pegawai Masjid atau Ahli Jawatankuasa Kariah yang dilantik dan sekurang-kurangnya oleh tiga (3) orang daripada Jawatankuasa Pengurusan Masjid bagi masjid yang diwartakan. Butiran kutipan dan derma pada hari Jumaat hendaklah direkodkan dengan menggunakan **Borang D**.
- (3) Penyata Kutipan Jumaat dan wang kutipan hendaklah dipamerkan / dibentangkan kepada Jemaah / Ahli Kariah untuk makluman dengan menggunakan **Borang E**.
- (4) Kunci Tabung Kutipan masjid hendaklah disimpan oleh Pegawai Kewangan dan satu salinan pendua oleh Pegawai Pengawal di tempat yang selamat.

7.1.3 Kemasukkan wang kutipan masjid ke dalam bank

- (1) Setiap urusan kemasukan wang kutipan masjid ke dalam bank hendaklah dibuat dengan menggunakan slip bank yang disediakan oleh pihak bank dan slip tersebut hendaklah diisi dengan lengkap.



- (2) Semua kutipan yang melebihi RM500.00 pada satu-satu masa hendaklah dimasukkan ke dalam akaun bank masjid pada hari yang sama kutipan tersebut dijalankan atau selewat-lewatnya pada hari kerja berikutnya.
- (3) Kutipan yang kurang daripada RM500.00 pada setiap minggu atau kutipan yang tidak dapat dimasukkan pada hari yang ditentukan hendaklah disimpan dalam peti besi atau tempat yang selamat di masjid.
- (4) Semua slip bank hendaklah disimpan oleh Pegawai Kewangan bagi tujuan pemeriksaan oleh Juruaudit Dalam / Luar atau Petugas Majlis.

7.1.4 Semakan kemasukan wang ke dalam bank.

- (1) Setelah proses kemasukan wang di bank selesai, Pegawai Kewangan yang bertanggungjawab dan diberi kuasa dengan kemasukan kutipan wang tersebut hendaklah disemak dan memastikan bahawa slip bank berkenaan mengandungi nombor akaun yang betul, jumlah dan tarikh.
- (2) Setelah wang dimasukkan ke dalam bank, catatan nombor slip bank hendaklah direkod ke dalam buku tunai. Jika berlaku perbezaan diantara slip bank dengan catatan buku tunai, pelarasian hendaklah dibuat dalam buku tunai serta melampirkan dokumen sokongan.

7.1.5 Resit Rasmi

- (1) Tertakluk kepada kebenaran bertulis daripada MAIS, masjid boleh mencetak buku resit rasmi untuk kegunaan masjid.
- (2) Setiap buku resit rasmi yang dicetak mestilah mengandungi item-item yang diperlukan seperti dalam **Borang F** Garis Panduan ini.
- (3) Setiap resit rasmi hendaklah dicetak di dalam 2 salinan, iaitu salinan resit asal yang akan diberi kepada pembayar dan salinan untuk kegunaan masjid.



- (4) Resit rasmi mestilah dikeluarkan kepada pembayar sebagai bukti penerimaan wang yang diterima oleh masjid pada masa urusan dibuat.
- (5) Buku resit rasmi tidak boleh dilangkaui atau dibiarkan kosong tanpa digunakan. Ini adalah untuk mengelakkan daripada disalahguna, kekeliruan atau penipuan.
- (6) Pindaan kepada resit rasmi adalah dilarang sama sekali. Jika sesuatu borang resit itu didapati rosak atau tidak boleh digunakan, resit itu tidak boleh dimusnahkan tetapi mestilah dibatalkan dengan 'cop batal' atau tanda berpalang dan hendaklah disimpan beserta dengan salinannya bagi tujuan pengauditan.
- (7) Semua resit rasmi yang dikeluarkan hanya akan dianggap sah jika telah ditandatangani oleh Pegawai Kewangan yang diberi kuasa mengeluarkan dan mengesahkan resit tersebut.

7.1.6 Kawalan terhadap Buku Resit Rasmi

- (1) Sebelum digunakan, buku-buku resit yang diterima daripada pembekal, hendaklah diperiksa supaya berada di dalam keadaan baik dan mematuhi item **Borang F** serta mempunyai salinan pendua. Sekiranya terdapat sebarang kecacatan terhadap buku resit tersebut atau sekiranya buku resit tersebut tidak menepati syarat-syarat tersebut, buku-buku resit yang berkaitan hendaklah dikembalikan kepada pembekal bersama-sama penerangan mengenainya.
- (2) Pegawai Kewangan hendaklah mengesahkan pemeriksaan ke atas buku-buku resit tersebut dengan menandatangani di bahagian belakang muka surat terakhir buku-buku resit tersebut.
- (3) Buku resit rasmi yang telah atau belum digunakan hendaklah disimpan dengan selamat di dalam peti besi atau kabinet berkunci.
- (4) Buku resit rasmi hendaklah disusun dan direkod mengikut nombor supaya mudah disemak dan dikesan.



- (5) Kehilangan buku resit rasmi hendaklah dilaporkan kepada pihak berkuasa dan dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kariah atau lembaga tadbir.
- (6) Resit rasmi tidak boleh dikeluarkan bagi sebarang penerimaan wang menggunakan cek tarikh hadapan (*post dated cek*).
- (7) Hanya satu buku resit sahaja yang boleh digunakan pada satu-satu masa untuk setiap masjid.

7.1.7 Daftar Buku-Buku Resit

- (1) Satu Daftar Buku Resit hendaklah disediakan dan diselenggara dengan teratur bagi merekod pergerakan resit-resit dengan menggunakan **Borang G** kepada Garis Panduan ini.
- (2) Mesyuarat Jawatankuasa Kariah atau Mesyuarat Lembaga Tadbir boleh memberi kuasa secara bertulis kepada lebih daripada seorang untuk memegang resit pada satu-satu masa dalam tempoh yang ditetapkan.

7.1.8 Pengeluaran Resit

Setiap resit hendaklah diisi dengan lengkap mengenai tarikh, nama penyumbang, jumlah dan kaedah sumbangan sama ada secara tunai atau cek.

7.2. BAYARAN

7.2.1 Pembayaran

- (1) Setiap pembayaran hendaklah dibuat melalui cek.
- (2) Pembayaran secara tunai hanya dibenarkan bagi perbelanjaan runcit dan pendahuluan pembayaran aktiviti masjid.
- (3) Pembayaran yang dibuat secara terus melalui kutipan Jumaat atau derma dan lain-lain tabung adalah dilarang.



7.2.2 Cara Pembayaran

- (1) Pembayaran hendaklah dibuat melalui suatu baucer bayaran yang hanya boleh diluluskan setelah disokong dengan dokumen-dokumen pembayaran, bil atau invois yang menyatakan bahawa sesuatu kerja telah dibuat atau sesuatu barang telah dibekalkan.
- (2) **Borang J** Permohonan Pendahuluan Pembayaran hendaklah diisi sekiranya tidak terdapat sebarang bil atau invois yang dikeluarkan seperti untuk bayaran penceramah atau pendahuluan elaan kepada AJK atau aktiviti masjid yang lain bagi kemudahan bayaran tunai.
- (3) Pembayaran dari pendahuluan belanja yang diluluskan hendaklah diperincikan oleh pemohon dengan menyatakan butiran perbelanjaan dan baki tunai untuk semakan Pegawai Kewangan. **Borang J(i)** Penyata Pendahuluan Perbelanjaan bolehlah digunakan seperti dalam Garis Panduan ini.
- (4) Hanya satu baucer bayaran boleh dikeluarkan untuk setiap satu jenis pembayaran.

7.2.3 Baucer Bayaran Dan Dokumen Sokongan

- (1) Setiap baucer bayaran hendaklah disokong dengan butir-butir penuh mengenai tiap-tiap satu perkhidmatan, termasuk nama dan alamat pembekal, invois yang menyatakan perincian perkhidmatan. Butir-butir dokumen yang dikepilkan kepada baucer bayaran tersebut tidak perlu disalin semula ke dalam baucer bayaran yang hendak dikeluarkan.
- (2) Setiap baucer bayaran hendaklah mempunyai nombor siri yang berturutan bagi memudahkan semakan dibuat.
- (3) Bagi mengelakkan pembayaran berulang, baucer asal mestilah dicop “PAID” atau “Telah Dibayar”. Bagi tujuan ini **Borang I** kepada Garis Panduan ini bolehlah dijadikan sebagai contoh.



7.2.4 Kelulusan Dan Pengesahan Pembayaran

- (1) Pegawai Pengawal hendaklah meluluskan setiap baucer bayaran yang dibuat.
- (2) Pegawai Pengawal bersama-sama dengan Setiausaha atau Penolong Pengurus yang menandatangani baucer bayaran adalah bertanggungjawab memastikan perkara-perkara berikut:
 - (a) Perkhidmatan yang dinyatakan telah dilaksanakan dengan sempurna;
 - (b) Jumlah tuntutan bayaran adalah sama dengan sebutharga yang dikemukakan;
 - (c) Menyertakan Salinan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kariah atau Mesyuarat Lembaga Tadbir atau Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan telah diperolehi sebelum pembelian atau pembayaran dibuat. Contoh Minit Mesyuarat Pegawai Dan Jawatankuasa Kariah Masjid atau Mesyuarat Lembaga Tadbir adalah seperti di **lampiran A**;
 - (d) Membuat pengesahan penerimaan perkhidmatan atau barang yang diperlukan;
 - (e) Individu atau syarikat yang dinamakan di dalam baucer bayaran itu adalah penerima bayaran.
- (3) Setiap perbelanjaan yang telah dibuat hendaklah direkodkan di dalam buku tunai seperti **Borang C** kepada Garis Panduan ini.
- (4) Sekiranya berlaku sesuatu kecemasan atau keadaan yang memerlukan kepada tindakan segera Nazir, Bendahari dan Pengerusi Lajnah atau Pegawai di Masjid yang diwartakan berkaitan boleh membuat keputusan untuk membuat pembelian atau mendapatkan apa-apa perkhidmatan yang diperlukan. Walaubagaimanapun keputusan tersebut hendaklah dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kariah atau Lembaga Tadbir apabila ianya diadakan.



BAHAGIAN C

8. PERBENDAHARAAN

8.1.1 Membenarkan Belanja

- (1) Mesyuarat Jawatakuasa Kariah atau Mesyuarat Lembaga Tadbir boleh membenarkan Bendahari memegang wang minimum sebanyak RM200.00 tetapi tidak melebihi RM1,000.00, sebagai pendahuluan belanja runcit sahaja.
- (2) Pegawai Kewangan hendaklah memastikan wang pendahuluan belanja runcit dikawal penggunaannya. Bagi setiap perbelanjaan runcit dibenarkan RM200 ke bawah bagi setiap item barang. Apabila wang pendahuluan belanja telah berkurangan, Pegawai Kewangan bolehlah membuat permohonan secara bertulis kepada Pegawai Pengawal untuk menambah semula wang pendahuluan tersebut melalui baucer bayaran. Suatu Penyata Pendahuluan Belanja hendaklah disediakan dan dikepilkkan bersama resit-resit / bil-bil belanja dengan menunjukkan jumlah yang telah dibelanjakan untuk kelulusan Pegawai Pengawal. Setiap Penyata Pendahuluan Belanja yang disediakan hendaklah menggunakan **Borang J** kepada Garis Panduan ini.

8.1.2 Pertukaran Pegawai kewangan.

- (1) Apabila berlaku pertukaran Pegawai Kewangan yang bertanggungjawab ke atas urusan kewangan sesuatu masjid, suatu Borang Serah Tugas hendaklah disediakan bagi menunjukkan kedudukan tunai, resit-resit, dokumen-dokumen dan lain-lain perkara berkaitan, pada atau semasa peralihan kuasa tersebut. Borang Serah Tugas tersebut kemudiannya hendaklah ditandatangani oleh kedua-dua pihak. **Borang K** kepada Garis Panduan ini bolehlah digunakan bagi tujuan tersebut. Bagi Penolong Pengurus, penyerahan tugas pegawai hendaklah mematuhi peraturan perkhidmatan penjawat awam yang berkuatkuasa.
- (2) Pegawai Pengawal hendaklah memastikan **Borang K** beserta dokumen- dokumen lain seperti direkodkan dalam borang diserahkan kepadanya sebelum Pegawai Kewangan yang baru mengambil alih tugas-tugas dan tanggungjawab daripada Pegawai Kewangan yang lama.



- (3) Pegawai Kewangan yang meletakkan jawatan, dilucutkan jawatan atau tamat tempoh jawatan hendaklah melepaskan segala tanggungjawab yang berkaitan pengurusan kewangan masjid dan bank.
- (4) MAIS atau Pegawai Pengawal boleh melaporkan ketidakpatuhan dan keingkaran Pegawai Kewangan dalam dalam mematuhi Garis Panduan 8.1.2 (1)(2) dan (3) kepada pihak berkuasa berwajib.

8.2 AKAUN BANK

8.2.1 Membuka Akaun Bank

- (1) Pegawai Pengawal hendaklah memastikan hanya satu akaun bank daripada sistem Perbankan Islam dibuka.
- (2) Mesyuarat Jawatankuasa Kariah atau Mesyuarat Lembaga Tadbir hendaklah mendapatkan surat pengesahan dan sokongan daripada Bahagian Pengurusan Masjid JAIS untuk membuka satu akaun semasa dengan menyatakan bank yang berkaitan.
- (3) Tiada kebenaran boleh diberikan kepada mana-mana masjid untuk membuka lebih daripada satu akaun tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Agama Islam Selangor.

8.2.2 Menutup Akaun Bank

- (1) MAIS boleh mengarah mana-mana masjid yang mempunyai lebih daripada satu akaun untuk menutup akaun tersebut dengan mengekalkan satu akaun utama daripada sistem perbankan islam untuk dikekalkan.
- (2) Pegawai Kewangan dan Pemeriksa Kira-Kira hendaklah memastikan semua baki dari akaun bank yang ditutup disahkan terlebih dahulu sebelum dipindahkan ke akaun utama yang dikekalkan dan melaporkan kepada Pegawai Pengawal.



- (3) Mana-mana akaun masjid tidak boleh ditutup melainkan setelah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kariah Masjid atau Mesyuarat Lembaga Tadbir Masjid dan kebenaran khas daripada Setiausaha MAIS. Garis Panduan 8.2.2 (2) hendaklah dipatuhi sebelum proses penutupan dibuat.
- (4) MAIS melalui nasihat dari Jabatan Mufti boleh menentukan status baki akaun mana-mana masjid yang ditutup untuk diserah kepada Baitulmal.

8.3 CEK

8.3.1 Buku Cek

- (1) Hanya penandatangan cek yang dilantik sahaja dibenarkan untuk memohon buku cek.
- (2) Bagi sesuatu masjid yang mempunyai akaun semasa, penggunaan cek digalakkan untuk pembayaran melebihi RM200.00.
- (3) Tarikh, nama penerima, tujuan cek dikeluarkan serta jumlah pembayaran hendaklah ditulis dengan jelas pada setiap keratan buku cek.
- (4) Setiap cek yang salah hendaklah ditulis **Batal** pada cek tersebut dan keratannya. Cek-cek batal hendaklah dikepilkhan pada keratannya.
- (5) Tiada cek kosong dibenarkan ditandatangani terlebih dahulu oleh mana-mana pihak yang diberi kuasa untuk menandatangani cek tersebut.

8.3.2 Pemeriksaan Buku Cek

Setiap buku cek hendaklah diperiksa oleh pemohon buku cek dengan serta merta sejurus selepas diterima daripada bank yang berkenaan untuk memastikan bahawa kandungan buku cek tersebut adalah lengkap dan tidak mempunyai sebarang kekurangan atau kesalahan pada nombor siri atau helaianya. Pegawai Kewangan hendaklah menurunkan tandatangannya di bahagian belakang helaian terakhir buku cek bagi mengesahkan bahawa pemeriksaan telah dibuat ke atas buku cek tersebut.



8.3.3 Penyimpanan Buku Cek

Semua buku cek hendaklah disimpan di dalam peti besi berkunci atau di tempat lain yang selamat dan berkunci di masjid.

8.3.4 Tempoh Laku Cek Yang Dikeluarkan

Setiap cek yang dikeluarkan hanya sahlaku dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak bank.

8.3.5 Cek Luput

- (1) Mana-mana cek yang tidak ditunaikan dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak bank dari tarikh cek itu dikeluarkan akan terbatal.
- (2) Sekiranya tuntutan dibuat oleh penerima atas sesuatu cek yang telah terbatal, maka satu cek yang baru hendaklah dikeluarkan sebagai ganti. Cek yang dibatalkan hendaklah dikembalikan dan dikepilkhan pada keratan buku cek dan ditanda palang atau batal.

8.3.6 Kuasa Menandatangani Cek

- (1) Setiap cek hendaklah ditandatangani oleh Bendahari dan salah seorang daripada Nazir atau Setiausaha.
- (2) Bagi masjid yang diwartakan, cek hendaklah ditandatangani oleh Pengurus dan Penolong Pengurus.
- (3) Sekiranya pihak bank memerlukan tiga penandatangan, maka Nazir, Setiausaha dan Bendahari hendaklah menandatangani setiap cek yang dikeluarkan. Jika salah seorang penandatangan cek tiada, satu surat kuasa dari Mesyuarat Jawatankuasa Kariah hendaklah dikeluarkan bagi memberi kuasa kepada Timbalan Nazir atau Penolong Setiausaha untuk menandatangani cek.
- (4) Bagi maksud tujuan Garis Panduan 8.3.6 (3) tersebut bagi masjid yang diwartakan Mesyuarat Lembaga Tadbir Masjid boleh menetapkan mana-mana ahli Lembaga Tadbir sebagai penandatangan cek bersama Pengurus dan Penolong Pengurus. Lembaga Tadbir Masjid juga boleh menetapkan



mana-mana orang dari ahli Lembaga Tadbir Masjid atau Pegawai Tadbir Masjid untuk menandatangani cek jika tiada salah seorang penandatangan cek tiada dalam tempoh masa yang panjang.

8.3.7 Kehilangan Cek

- (1) Jika sesuatu cek yang telah dikeluarkan didapati hilang tetapi masih belum ditunaikan, satu cek ganti boleh dibuat atas permohonan secara bertulis oleh penerima cek.
- (2) Untuk tujuan di atas, Pegawai kewangan hendaklah dengan serta merta mengambil tindakan mendapatkan pengesahan daripada pihak bank bahawa cek itu masih belum ditunaikan oleh pihak bank dan mengarahkan pihak bank bagi menahan pembayaran cek yang hilang tersebut.
- (3) Tindakan menahan pembayaran cek tidak perlu diambil sekiranya tempoh sah cek itu telah luput.
- (4) Setelah kehilangan cek tersebut disahkan satu cek ganti bolehlah dikeluarkan.

8.4 PETI BESI

8.4.1 Keperluan Dan Penyimpanan

- (1) Satu peti besi hendaklah diwujudkan di masjid, tertakluk kepada kemampuan sesuatu masjid tersebut.
- (2) Untuk tujuan ini, peti besi hendaklah diletakkan di tempat yang selamat di dalam masjid tersebut.
- (3) Kunci peti besi hendaklah dipegang oleh Pegawai Kewangan dan salinan pendua kunci disimpan oleh Pegawai Pengawal.
- (4) Semua wang kutipan yang belum dimasukkan ke dalam bank dan segala dokumen-dokumen penting masjid hendaklah disimpan di dalam peti besi.



- (5) Suatu Daftar Peti Besi tersebut hendaklah diwujudkan bagi memudahkan proses penyelenggaraan dan semakan. Setiap butiran yang hendak didaftarkan bolehlah menggunakan **Borang L** kepada Garis Panduan ini.
- (6) Garis Panduan 8.4.1 (5) ini tidak terpakai untuk mana-mana peti besi yang digunakan sebagai tabung masjid.

8.4.2 Kehilangan Kunci

- (1) Sekiranya kunci asal bagi suatu peti besi hilang atau tidak dapat ditemui, Pegawai Kewangan hendaklah melaporkan kehilangan itu kepada Pegawai Pengawal dengan serta merta bersama satu salinan report polis.
- (2) Untuk tujuan sementara, pihak Pegawai Pengawal bolehlah menyerahkan salinan pendua kunci kepada Pegawai Kewangan.
- (3) Kunci yang hilang hendaklah ditukar dengan kunci yang baru. Garis Panduan 8.4.1 (3) berkaitan pengurusan kunci peti besi hendaklah dipatuhi.

8.5 SEWA

8.5.1 Pematuhan Garis Panduan

1. Permohonan sewaan bagi tanah masjid yang berstatus tanah milik JAIS hendaklah menggunakan Garis Panduan Penyewaan Tanah Bawah Kawalan Pengarah JAIS.
- (2) Permohonan sewaan bagi tanah masjid yang berstatus tanah milik Wakaf hendaklah menggunakan Garis Panduan Penyewaan Tanah Di Bawah Kawalan Perbadanan Wakaf Selangor.

8.6 PELABURAN

8.6.1 Urusan Pelaburan

- (1) Mana-mana masjid yang berkemampuan boleh membuat / memasuki sebarang bentuk pelaburan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu dengan Pegawai Pengawal hendaklah memastikan :-



- a) Pelaburan tersebut hendaklah menepati kehendak syariah;
- b) Mendapatkan maklumat lengkap produk pelaburan dan kajian risiko pelaburan dari sumber dalaman dan luaran;
- c) Memastikan kewangan masjid telah memperuntukkan tanggungan hakiki seperti pembayaran utiliti, gaji kakitangan yang dilantik serta lain-lain tanggungan disediakan sebelum cadangan pelaburan dikemukakan;
- d) Mendapatkan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Kariah Masjid dan Mesyuarat Lembaga Tadbir Masjid;
- e) Bagi pelaburan melebihi RM50,000.00 masjid perlu mendapatkan kebenaran khas daripada Jawatankuasa Kariah MAIS;
- f) Semua jenis pelaburan hendaklah dinyatakan di dalam Penyata Kewangan Masjid;

8.6.2 Simpanan Tetap

Sekiranya pihak masjid membuat pelaburan dalam bentuk Sijil Simpanan Tetap, satu Daftar Simpanan Tetap bolehlah disediakan oleh Pegawai Kewangan dan **Borang P** kepada Garis Panduan ini bolehlah digunakan untuk tujuan tersebut.

8.6.3 Pelaburan Saham

- (1) Semua pelaburan ke atas mana-mana saham terbitan hendaklah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kariah Masjid atau Mesyuarat Lembaga Tadbir Masjid terlebih dahulu.
- (2) Pelaburan yang dibuat hendaklah pada saham yang tidak terlibat dengan perkara-perkara yang menyalahi syariah. Sekiranya pelaburan saham yang dibuat melebihi RM50,000.00 Mesyuarat Jawatankuasa Kariah Masjid atau Mesyuarat Lembaga Tadbir perlu mendapatkan kebenaran khas daripada Jawatankuasa Kariah MAIS terlebih dahulu;



- (3) Pelaburan hendaklah di dalam “*Trustee Stock*” dan “*Government Link Company*”.
- (4) Satu Daftar Pelaburan hendaklah diselenggarakan bagi memudahkan mengenalpasti samada pelaburan itu menguntungkan atau tidak dan jika terdapat sebarang perubahan terhadap unit yang dipegang. **Borang Q** kepada Garis Panduan ini bolehlah digunakan untuk tujuan tersebut.
- (5) Pegawai kewangan hendaklah memperoleh penyata akaun saham Masjid daripada *Malaysian Central Depository (MCD)* setiap tahun untuk tujuan pengesahan.

8.6.4 Pelaburan Hartanah

- (1) Sekiranya mana-mana masjid bercadang untuk membeli mana-mana harta tanah, pihak masjid berkenaan hendaklah terlebih dahulu menyemak status dan mendapatkan maklumat lengkap berkenaan harta tanah tersebut daripada Pejabat Tanah / Daerah atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkaitan.
- (2) Setiap pembelian harta tanah hendaklah mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Kariah atau Mesyuarat Lembaga Tadbir Masjid dan satu perjanjian hendaklah dibuat di antara Penjual dengan pihak MAIS sebagai pemegang amanah harta tanah bagi pihak masjid.
- (3) Satu salinan perjanjian jual beli yang dimeterai dan disetemkan diantara pihak MAIS dan penjual hendaklah disimpan di tempat yang selamat.

8.7 HARTA BENDA

8.7.1 Pematuhan Garis Panduan

- (1) Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah Masjid serta Pegawai Tadbir Masjid dalam pengurusan aset adalah tertakluk kepada garis panduan ini.



- (2) Walaubagaimanapun, bagi masjid yang diwartakan terdapat kemungkinan sebahagian daripada aset tersebut perlu menggunakanapai Tatacara Pengurusan Aset Awam yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

8.7.2 Daftar Harta Alih dan Harta Tidak Alih

Semua harta masjid yang bernilai melebihi RM1,000.00 hendaklah direkodkan di dalam Daftar Harta Alih/ Harta Tidak Alih menggunakan Borang R kepada Garis Panduan ini.

BAHAGIAN D

9. LAPORAN KEWANGAN

9.1 Ringkasan Penerimaan Dan Pembayaran

Pegawai Kewangan hendaklah menyediakan satu Ringkasan Penerimaan Dan Pembayaran bulanan untuk dikemukakan kepada Pemeriksa Kira-Kira atau Juruaudit yang dilantik sebagai semakan dan rujukan. **Borang T** kepada Garis Panduan ini bolehlah digunakan untuk tujuan tersebut.

9.2 Penyata Kewangan

- (1) Satu Penyata Kewangan hendaklah disediakan oleh Pegawai Kewangan mengikut format **Borang U** Garis Panduan ini. Penyata kewangan tersebut hendaklah disokong dengan keterangan nota- nota perbelanjaan mengikut **Borang V**.
